

SULIT

Nama Tingkatan



قَسِّمْنَا عِلْمَنَا وَنَعْمُوا إِذَا عَجَلِينَا وَغَتُوا
 مَجْهَدًا كَرَامًا سَكُونًا لِمَنْ عَجَبُوا كَامًا (عَرَبِيًّا) بِنَوَانًا
 يَا يَاسَنَ إِسْلَامَ كَلْتَنَ



1103/1
 Bahasa
 Melayu
 Kertas 1
 Ogos
 2017
 2 ¼ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN
 2017**

BAHASA MELAYU
 Kertas 1

TINGKATAN 5
 Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak


[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian A

[Masa dicadangkan : 45 minit]

[30 markah]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada punca-punca kemerosotan mutu sukan negara. *Huraikan pendapat anda tentang punca-punca kemerosotan mutu sukan negara. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 perkataan.*

PUNCA-PUNCA KEMEROSOTAN MUTU SUKAN NEGARA

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Pada masa cuti persekolahan akhir tahun, remaja sering mengambil peluang bekerja sambil sementara menunggu keputusan peperiksaan.

Jelaskan manfaat-manfaat yang diperolehi kepada golongan remaja yang bekerja sambil dalam masa cuti persekolahan.

2. Keselamatan anak-anak semasa berada di rumah perlu diberi perhatian oleh ahli keluarga.

Huraikan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh ahli keluarga untuk memastikan keselamatan anak-anak terjamin semasa berada di rumah.

3. Kesedaran rakyat Malaysia tentang pentingnya menjaga kebersihan di kawasan kediaman masih lagi rendah.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak supaya kawasan kediaman di negara kita sentiasa berada dalam keadaan bersih?

4. Gejala pemerdagangan manusia peringkat antarabangsa semakin meningkat.

Bincangkan.

5. Murid-murid sekolah kurang berminat untuk membaca karya sastera seperti novel, cerpen dan puisi.

Huraikan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah dan pihak-pihak lain untuk memupuk minat murid-murid sekolah terhadap karya sastera tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT

Nama Tingkatan



فَسْتَبِينَكَ عِزٌّ وَفَعْلُوا دَرَجَاتٍ مَجْلِبِينَ وَفَعْلُوا
 وَمَجْهَدُوا كَرَامَاتٍ سَيَكُونُ لَكُمْ مَنَعَةٌ وَأَكْرَامٌ (سُورَةُ
 يَاسِينَ ١٠٤-١٠٦)



1103/2
 Bahasa
 Melayu
 Kertas 2
 Ogos
 2017
 2 ½ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN
 2017**

BAHASA MELAYU
 Kertas 2

TINGKATAN 5
 Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan anda tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan alam sekitar dan masalah-masalah yang dihadapi untuk menjaganya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Alam sekitar yang bersih memainkan peranan penting dalam kehidupan harian manusia di dunia. Alam sekitar yang bersih akan menghasilkan suasana yang selesa dan menyamankan untuk kehidupan. Aktiviti-aktiviti pembangunan negara akan terjejas sekiranya alam sekitar tidak dijaga dengan baik. Amalan menjaga kebersihan alam sekitar merupakan tuntutan semua pihak. Persekitaran yang bersih sangat penting untuk mewujudkan kehidupan yang sihat dari segi mutu kesihatan.

Alam sekitar sangat penting kepada manusia dalam sistem pernafasan untuk menyedut udara yang segar. Udara yang segar amat penting untuk kesihatan manusia. Kawasan yang segar dan bersih lazimnya dipenuhi dengan tumbuhan menghijau. Tumbuh-tumbuhan membebaskan oksigen ke udara dan membolehkan badan kita mendapat bekalan oksigen secukupnya. Selain itu, alam sekitar membolehkan manusia menikmati keadaan cuaca dan suhu yang nyaman setiap hari. Melalui persekitaran yang segar dan nyaman itu akan memberi peluang kepada orang ramai untuk melakukan aktiviti riadah secara selamat.

Alam sekitar sangat penting kerana dapat menjamin keseimbangan ekosistem dalam kehidupan sejagat. Ekosistem yang terpelihara daripada kerakusan manusia akan membantu menjamin sumber air. Sebagai contoh, hutan dapat berfungsi sebagai kawasan tadahan hujan. Kehadiran hutan-hutan tadahan hujan akan menakung air hujan secara semula jadi dalam kuantiti yang besar. Alam sekitar terutama sumber hutan yang tebal akan dapat menjamin bekalan air yang mencukupi bagi kegunaan domestik. Selain itu, hutan akan membantu manusia menakung air dalam empangan-empangan yang dilengkapi teknologi canggih untuk menghasilkan kuasa hidroelektrik.

Pemuliharaan terhadap alam sekitar amat penting untuk mengelakkan kepupusan flora dan fauna di dunia ini. Kedua-duanya memainkan peranan dalam mengekalkan alam semula jadi dan setiap satunya mempunyai rangkaian yang mengikat antara satu sama lain. Kepupusan salah satu daripadanya akan menjejaskan kitaran alam semula jadi. Penebangan hutan yang tidak terancang akan menyebabkan cuaca menjadi panas dan kering. Keadaan ini akan menjejaskan pertumbuhan flora manakala fauna pula akan kehilangan habitatnya.

Alam sekitar yang *dijaga secara terancang* akan dapat mengurangkan pemanasan global yang serius. Cuaca panas dan kering yang disebabkan oleh kenaikan suhu dapat dielakkan sekiranya kawasan tumbuhan hijau dapat dikawal. Beberapa buah negara di dunia termasuk negara kita dijangka akan mengalami pemanasan global yang serius dalam tempoh 20 tahun akan datang jika penebangan hutan dilakukan secara tidak terancang.

Keindahan alam sekitar juga dapat meningkatkan ekonomi dalam sektor pelancongan. Hal ini demikian kerana kawasan yang indah akan dapat memberi peluang kepada pelancong untuk mengunjungi tempat-tempat menarik terutama di kawasan hutan

rekreasi, air terjun, jeram, tasik, pinggir pantai dan taman negara. Dalam aktiviti pelancongan, kita akan mendapatkan hasil daripada pendapatan luar negara untuk menambah sumber kewangan negara. Ini akan dapat meningkatkan pertukaran wang asing. Dalam jangka panjang, pertumbuhan ekonomi juga akan meningkat. Melalui aktiviti itu, peluang pekerjaan untuk orang tempatan juga akan meningkat dan secara tidak langsung akan dapat mengurangkan pengangguran di sesebuah negara.

Kita mestilah sedar akan kepentingan memelihara alam semula jadi yang masih ada pada hari ini. Usaha-usaha memupuk kesedaran masyarakat akan kepentingan alam sekitar terus dilakukan oleh pelbagai pihak seperti kempen kebersihan, perkhemahan alam sekitar bagi belia, seminar, bengkel, pameran dan penerbitan bahan bercetak. Semuanya adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan penyertaan orang ramai bagi memelihara alam sekitar. Pemuliharaan alam sekitar menjadi tanggungjawab bersama setiap generasi agar pembangunan lestari dapat dikekalkan.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada "Menjaga alam sekitar" oleh Dr. Hazwan bin Harun, *Berita Harian*, Mac, 2016

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *dijaga secara terancang*.

[2 markah]

- (ii) Penulis menyatakan bahawa hutan mempunyai banyak fungsi kepada manusia. Apakah fungsi hutan tersebut?

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah impak negatif pemanasan global kepada kehidupan di dunia?

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

YIK - BAHASA MELAYU (2) - TKT 5

Soalan 2 (b) - Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SEMUA PELAJAR: Assalamualaikum dan selamat sejahtera, cikgu.

CIKGU DAHARI: Waalaikumussalam dan selamat sejahtera. Semua boleh duduk.

Semua dah baca cerita tentang murid yang terpilih dan penempatan untuk PLKN?

NORA: Sudah cikgu. Ramai yang terpilih dan kami amat teruja untuk menyertainya. Tak sabar rasanya.

CIKGU DAHARI: Baguslah kalau begitu. Bertuah negara kita punyai remaja seperti kalian. Sentiasa berkhidmat untuk negara.

SUNDARANI: Boleh cikgu terangkan lebih lanjut tentang PLKN?

CIKGU DAHARI: Tentu sekali. Program Latihan Khidmat Negara ataupun nama ringkasnya PLKN merupakan kursus latihan wajib bagi mereka yang baru menamatkan persekolahan di Malaysia. Program ini bertujuan untuk pembinaan sahsiah diri. Bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Program ini bukanlah bersifat kerahan tenaga dan tidak mengikut mana-mana model dari luar kerana dilaksanakan menurut cara Malaysia.

AH TIAU: Apakah objektifnya, cikgu?

CIKGU DAHARI: Tiga objektif yang digariskan, iaitu yang pertama, menanam semangat patriotik dalam kalangan generasi muda atau remaja Malaysia. Kedua, memupuk semangat perpaduan kaum serta integrasi nasional, dan yang ketiga, membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni.

SYUHADA: Saya lihat logo PLKN sangat menarik. Tentu ada makna yang tersirat.

Dipetik daripada drama 'Berkhidmat Untuk Negara' oleh Affix Zulkarnaen Adam, dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

(i) Apakah objektif Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)? [2 markah]

(ii) Penyertaan dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) masih lagi kurang diminati oleh sesetengah pelajar.

Pada pendapat anda, mengapakah ada sesetengah pelajar tidak berminat untuk mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dianjurkan oleh kerajaan? [3 markah]

(iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Adapun Cau Pandan itu, lagi di benua Siam, maka berasa kepada dadanya seperti kena panah, maka Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati. Maka tidaklah jadi Siam menyerang Melaka, sebab mati Cau Pandan itu. Maka itulah diperbuatkan orang menyanyi:

Cau Pandan anak Bubunnya,
Hendak menyerang ke Melaka;
Ada cincin berisi bunga,
Bunga berladung si air mata.

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, "Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat,"

Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan sepertinya.

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun. Dan baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan ada beranak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal. Adapun Sultan Mansur Syah itu terlalu baik parasnya, serta dengan adilnya lagi pemurah; seorang pun raja-raja di dalam alam ini tiada sepertinya pada zaman itu.

Dipetik daripada "Burung Terbang
Dipipiskan Lada," dalam Antologi
Sejarah Rindu, Sasbadi Sdn Bhd.

- (i) Siapakah Cau Pandan? [2 markah]
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh Sultan Muzaffar Syah apabila mengetahui bahawa Cau Pandan sudah mati? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor berlakunya peperangan di sesetengah negara di dunia ini? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

YIK - BAHASA MELAYU (2) - TKT 5

Soalan 2 (d) Puisi Moden

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sang Gembala Kuda

Dia lelaki bergelar perkasa
dengan cemeti keberanian di tangan
rembat angkuhnya memacu takut
menghalau kuda-kuda di padang
berebutan memburu kandang.

Rumput dan jerami terhidang
adalah kanun janji kesetiaan
dimamah rakus kala lapar
tak peduli nasib diri setelah kenyang
jadi tunggangan memburu rakan.

Dia lelaki punya kuasa
sesekali suaranya lebih gempita
daripada ringkik kuda sekandang
pacuannya diiring seribu keberanian
meredah onak di rimba perburuan
meranduk lumpur di paya penindasan
sambil melibas cemeti durjana
dia melampar muslihat
aku penyelamat maruah
berjuang atas dasar kebenaran
menentang semua kebobrokan.

Dia lelaki sang gembala kuda
hanya mengenal pantas tunggangan
tanpa membaca keletihannya
dia lelaki sang gembala kuda
hanya tahu mengejar kehebatan
tanpa menghitung kesakitannya
dan kuda-kuda itu ditunggangi
ditunggangi dan ditunggangi!

Dipetik daripada sajak 'Sang Gembala Kuda' oleh Mohd Hashim Othman dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berdasarkan sajak tersebut, nyatakan **dua** tindakan kejam yang dilakukan oleh lelaki yang bergelar perkasa terhadap kudanya? [2 *markah*]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memajukan sukan berkuda di negara kita? [3 *markah*]
- (iii) Jelaskan **dua** nilai murni yang terdapat dalam sajak di atas. [4 *markah*]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan dalam pasangan kata di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan sebagai peribahasa atau nama khas.

- | | | | |
|-------|-----------|---|-----------|
| (i) | interaksi | - | integriti |
| (ii) | liar | - | liat |
| (iii) | rasmi | - | resmi |

[6 markah]

- (b) Kenal pasti dan tulis **subjek** dan **predikat** yang lengkap bagi setiap ayat seperti yang berikut:

Subjek :

Predikat :

- (i) Bapa budak itu telah memukul seorang guru sekolah di Pekan.
- (ii) Seramik antik dari China itu untuk dipamerkan di Muzium Negara.
- (iii) Sangat besar rumah Datuk Fadilah.
- (iv) Telah tumbang semalam pokok yang besar itu.
- (v) Merah ialah warna kegemaran Cikgu Halimah.
- (vi) Ini gambar Rohayah pada masa kecil.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pihak penganjuran tidak menyediakan alatulis yang mencukupi kepada peserta yang hendak memasuki pertandingan itu.
- (ii) Anggota polis dikehendaki memperketatkan kawalan di pusat pengundian dalam pilihanraya nanti supaya tidak menimbulkan kekecohan.
- (iii) Pencapaian kontijen negara dalam acara sukan kali ini agak buruk kerana tidak memenuhkan sasaran kutipan emas.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Negara China tidak akan menyebelahi kedua belah pihak yang bermusuhan itu demi menjaga kedaulatan ekonominya di rantau ini.
 - (ii) Cikgu Suhailah bercerita tentang pengalamannya semasa mengajar di kawasan mundur Sabah selama tiga puluh tahun agar menjadi teladan kepada murid-muridnya.
 - (iii) Oleh kerana demam, Kamil tidak datang ke sekolah sepanjang tiga hari.

[6 markah]

- (e) *Baca ayat-ayat di bawah ini dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang yang sesuai dengan maksud ayat tersebut.*
- (i) Sesuatu benda tidak akan datang atau diperoleh jika kita tidak berusaha.
 - (ii) Adat persandingan dalam majlis perkahwinan orang Melayu merupakan adat yang masih utuh dan diamalkan secara besar-besaran pada hari ini.
 - (iii) Kita hendaklah menurut adat atau peraturan yang telah ditetapkan di tempat kita diami atau tinggal agar tidak mendatangkan kesusahan nanti.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Dalam sesebuah novel, watak utama sering mengalami konflik untuk menghasilkan jalan cerita yang menarik.

Berdasarkan novel yang anda pelajari, huraikan **dua** konflik watak utama dan jelaskan bagaimana watak utama menyelesaikan konflik yang dialami itu.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** pengajaran tentang ketabahan yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT